



**INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA
DUSUN TUA**

KM25, DUSUN TUA, 43100
HULU LANGAT, SELANGOR.
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA,
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN)

MENGANJURKAN

KURSUS JANGKA PENDEK

AMALI PENDAWAIAN ELEKTRIK 1 & 3 FASA
AMALI KAWALAN MOTOR 3 & 10 HP
AMALI TALIAN ATAS VOLTAN RENDAH
AMALI PAPAN SUIS UTAMA VOLTAN RENDAH
AMALI PENYEGERAKAN VR (SYNCHRONIZING)
UJITATAH GEGANTI (RELAY VALIBRATION)

KURSUS SEPARUH MASA

PENDAWAI ELEKTRIK PW2/PW4
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK A0/A4

KURSUS MODULAR

MODUL TALIAN ATAS VOLTAN RENDAH
MODUL PENYEGERAKAN (SYNCHRONIZING)

UNTUK KETERANGAN LANJUT

SILA HUBUNGI:

EN. RAIMI: 013-2071310
EN. MOHD NASIR: 019-3370609
EN. NORIEZAM: 013-3592413

JABATAN TEKNOLOGI ELEKTRIK

TEL: 03-90217100
FAX: 03-90211839

KURSUS JANGKA PENDEK

Yuran Kursus : RM 400.00
Tempoh Kursus : 16 jam
Hari : Sabtu & Ahad
Masa : 9 pagi - 6 petang

**AMALI PENDAWAIAN ELEKTRIK 1 & 3 FASA
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan asas teori dan amali pendawaian elektrik 1 dan 3 fasa. Kursus ini bersesuaian untuk peserta yang telah bekerja dengan persekitaran atau tugas dengan kontraktor elektrik serta sesuai bagi mereka yang ingin membuat ulangkaji untuk peperiksaan kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai Pendawai Elektrik 1 dan 3 fasa.

**AMALI KAWALAN MOTOR 3 & 10 HP
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan teori dan amali (peralatan kawalan dan pendawaian motor). Kursus ini sesuai untuk peserta yang masih baru dan ingin mengenali dengan lebih dekat peralatan dan kawalan motor elektrik serta sesuai bagi mereka yang ingin membuat persediaan dan ulangkaji untuk peperiksaan kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga.

**AMALI TALIAN ATAS VOLTAN RENDAH
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan amali Talian Atas Voltan Rendah iaitu sambat (penebat, didal dan cincin) dan simpai (tamatan, sudut, terus dan belunggu U). Kursus ini sesuai untuk peserta yang telah bekerja dengan persekitaran atau tugas yang berkaitan dengan talian atas dan mereka yang ingin membuat persediaan serta ulangkaji untuk peperiksaan kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai Penjaga Jentera Elektrik.

**AMALI PAPAN SUIS UTAMA VOLTAN RENDAH
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan teori Peralatan Papan Suis Utama dan amali kendalian serta kaedah pengawalan pensuisan papan suis utama. Kursus ini sesuai untuk peserta yang telah bekerja dengan persekitaran atau tugas Penjaga Jentera Elektrik di industri serta mereka yang ingin membuat persediaan dan ulangkaji untuk peperiksaan kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai Penjaga Jentera Elektrik.

**AMALI PENYEGERAKAN VR (SYNCHRONIZING)
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan asas janakuasa dan asas litar 'AMF Board' serta amali penyegerakan dua (2) janakuasa voltan rendah. Kursus ini sesuai untuk peserta yang telah bekerja dengan persekitaran atau tugas Penjaga Jentera Elektrik di industri serta mereka yang ingin membuat persediaan dan ulangkaji untuk peperiksaan kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai Penjaga Jentera Elektrik.

**UJITATAH GEGANTI (RELAY VALIBRATION)
MAKLUMAT:**

Peserta akan didedahkan dengan amali pengujian tata gantinya (relay). Kursus ini sesuai kepada Penjaga Jentera Elektrik atau mereka yang berkerja di persekitaran papan suis utama.

**KURSUS SEPARUH MASA
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK A0**

OBJEKTIF KURSUS:

Menyediakan latihan teori dan amali.
Menduduki peperiksaan Penjaga Jentera Elektrik A0

PENGAMBILAN/KEMASUKKAN:

SESI 1: Januari – Jun (6 bulan)
SESI 2: Julai – Disember (6 bulan)

JADUAL LATIHAN:

Selasa & Khamis : 06.30pm – 11.00pm
Sabtu: 09.00pm – 06.00pm
Ahad: 09.00pm – 06.00pm

SYARAT KEMASUKAN:

1. Tamat Tingkatan 5.
2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
3. Pengalaman minima **3 tahun** berkerja dengan pengendalian radas-radas hidup di sistem pemasangan elektrik 3 fasa (400V, 50Hz) **atau**
4. Sijil SKM Tahap 2/Politeknik dalam bidang elektrik atau Perakuan Pendawai dan berpengalaman **2 tahun** bekerja dengan pengendalian radas-radas hidup 3 fasa.
5. Memiliki **buku log** yang dikemaskini mengikut format Suruhanjaya Tenaga.

Yuran Kursus : RM 2900.00
Tempoh Kursus : 480 jam

**KURSUS SEPARUH MASA
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK A4**

OBJEKTIF KURSUS:

Menyediakan latihan teori dan amali.
Menduduki peperiksaan Penjaga Jentera Elektrik A4

PENGAMBILAN/KEMASUKKAN:

SESI 1: November - Jun (10 bulan)
SESI 2: Mac – Disember (10 bulan)

JADUAL LATIHAN:

Sabtu: 09.00pm – 06.00pm
Ahad: 09.00pm – 06.00pm

SYARAT KEMASUKAN:

1. Penjaga Jentera Elektrik kategori A0 mesti memiliki buku log yang lengkap berkaitan kerja-kerja janakuasa bagi tempoh 1 tahun dan juga kerja-kerja pemasangan serta penyelenggaraan Talian Atas Voltan Rendah bagi tempoh 1 tahun pengalaman berkenaan yang telah disahkan oleh orang kompeten berkaitan/majikan, atau ;
2. Mempunyai perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik kategori A1 dengan pengalaman selama 1 tahun janakuasa segerak voltan rendah, atau;
3. Mempunyai perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik A4-1 dengan pengalaman 1 tahun janakuasa segerak voltan rendah.
4. Memiliki buku log yang dikemaskini mengikut format Suruhanjaya Tenaga.

Yuran Kursus : RM 3500.00
Tempoh Kursus : 600 jam

**KURSUS SEPARUH MASA
PENDAWAI ELEKTRIK PW2/PW4**

OBJEKTIF KURSUS:

Menyediakan latihan teori dan amali.
Menduduki peperiksaan Pendawai Elektrik PW2 dan PW4

PENGAMBILAN/KEMASUKKAN:

SESI 1: Januari – Jun (6 bulan)
SESI 2: Julai – Disember (6 bulan)

JADUAL LATIHAN:

Selasa & Khamis : 06.30pm – 11.00pm
Sabtu: 09.00pm – 06.00pm
Ahad: 09.00pm – 06.00pm

SYARAT KEMASUKAN:

1. Tamat Tingkatan 5.
2. Peserta PW2 perlu mempunyai pengalaman kerja minima 1 tahun bersama kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.
3. Peserta PW4 perlu memegang perakuan Kekompetenan Pendawai PW2 melebihi 1 tahun dan mempunyai pengalaman kerja dalam kerja pendawaian elektrik 3 fasa bersama kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.
4. Memiliki **buku log** yang dikemaskini mengikut format Suruhanjaya Tenaga.

Yuran Kursus PW2 : RM 1800.00
Tempoh Kursus : 240 jam

Yuran Kursus PW4 : RM 2300.00
Tempoh Kursus : 240 jam

**KURSUS MODULAR
MODUL TALIAN ATAS VOLTAN RENDAH**

OBJEKTIF KURSUS:

Sijil kursus Talian Atas Voltan Rendah akan dianugerahkan kepada peserta yang LULUS dengan jayanya dan dikecualikan daripada menduduki amali talian atas peperiksaan bagi A1/A4-1/A4 (mengikut terma dan syarat Suruhanjaya Tenaga)

PENGAMBILAN/KEMASUKKAN:

4 sesi / tahun

JADUAL LATIHAN:

Sabtu: 09.00pm – 06.00pm

Ahad: 09.00pm – 06.00pm

SYARAT KEMASUKAN:

1. Mempunyai pengetahuan dalam bidang pemasangan dan pengendalian radas elektrik.
2. Peserta akan didedahkan dengan teori dan amali kerja-kerja Talian Atas Voltan Rendah. Kursus ini sesuai untuk peserta yang mempunyai Perakuan A0/A4-1 sebagai persediaan modul kemasukan kursus A4.

Yuran Kursus : RM 1500.00

Tempoh Kursus : 80 jam

**KURSUS MODULAR
MODUL PENYEGERAKAN VOLTAN RENDAH
(SYNCHRONIZING)**

OBJEKTIF KURSUS:

Sijil kursus Penyegerakan Voltan Rendah akan dianugerahkan kepada peserta yang LULUS dengan jayanya (mengikut terma dan syarat Suruhanjaya Tenaga)

PENGAMBILAN/KEMASUKKAN:

4 sesi / tahun

JADUAL LATIHAN:

Sabtu: 09.00pm – 06.00pm

Ahad: 09.00pm – 06.00pm

SYARAT KEMASUKAN:

1. Mempunyai pengetahuan dalam bidang pemasangan dan pengendalian radas elektrik.
2. Peserta akan didedahkan dengan teori dan amali kerja-kerja Penyegerakan Voltan Rendah. Kursus ini sesuai untuk peserta yang mempunyai Perakuan A0/A1/A4-1 sebagai persediaan modul kemasukan kursus A4.

Yuran Kursus : RM 1500.00

Tempoh Kursus : 80 jam